

20 FEB 2001

Cuba-Perdagangan

CUBA TAWAR CERUT DAN VAKSIN KEPADA MALAYSIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Cuba yang terkenal kerana penghasilan cerut yang dianggap terbaik di dunia, tidak sahaja mencari syarikat Malaysia bagi memasarkan produk itu malah ingin melabur dalam sektor kesihatan, terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta pengeluaran.

Menteri Luar Cuba Felipe Perez Roque berkata terdapat prospek untuk syarikat-syarikat Malaysia dalam kedua-dua bidang itu.

"Di Malaysia, cerut Cuba terdapat di pasaran dan ia berprestij di dunia dan saya yakin ia merupakan cabang yang mempunyai prospek besar bagi syarikat-syarikat Malaysia," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini hari ini.

Bercakap melalui jurubahasa, menteri itu yang kini dalam lawatan kerja tiga hari ke Malaysia sejak semalam bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi antara Cuba dan Malaysia, berkata terdapat prospek besar bagi menjalin usaha sama antara syarikat Cuba dan Malaysia dalam sektor kesihatan.

Beliau berkata produk bio teknologi dan farmaseutikal Cuba sungguh menarik kepada keperluan pasaran Malaysia.

"Bidang kesihatan awam maju di Cuba. Produk kami terbukti berkualiti dan harganya kompetitif," katanya.

Cuba menghasilkan vaksin termasuk untuk Hepatitis B dan Menangitis dan kini berusaha untuk membangunkan vaksin lain dan produk untuk kanser.

Roque berkata produk itu boleh dieksport ke Malaysia dalam usaha meningkatkan perdagangan dua hala.

Satu bidang lagi yang menawarkan peluang besar ialah industri pelancongan yang menurut beliau merupakan cabang dinamik bagi ekonomi Cuba.

Cuba yang menjangkakan akan menerima dua juta pelancong tahun ini, mendapati ada keperluan untuk membina dan mengurus lebih banyak hotel di negara itu.

Ketika ditanya sama ada Cuba bercadang membuka pusat perdagangan di Kuala Lumpur, Roque berkata: "Kita baru saja hendak bermula."

Perdagangan dua hala masih kecil, dengan Cuba mengimport minyak sawit dan produk lain.

Beliau berharap untuk melihat lebih banyak penyertaan oleh syarikat dari kedua-dua negara bagi membolehkan mereka mengetahui mengenai pasaran dan peluang yang wujud di Cuba dan Malaysia.

"Saya anggap proses berterusan ini perlu diperluaskan," katanya.

Roque berkata walaupun menghadapi kesulitan khususnya kesan daripada sekatan ekonomi yang masih dikenakan oleh Amerika Syarikat sejak 1962, ekonomi Cuba beransur pulih dan prospek baru semakin tersedia.

Ketika ditanya sama ada Malaysia boleh menggunakan Cuba sebagai pintu masuk ke rantau Caribbean, beliau berkata Cuba merupakan tempat paling sesuai untuk tujuan itu berdasarkan lokasinya dan juga hubungannya dengan Carricom (kesatuan Caribbean) yang mengandungi 15 negara dengan penduduk berjumlah 50 juta orang.

Beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia boleh mendapat manfaat daripada perjanjian ekonomi antara Cuba dan negara-negara Carricom yang telah banyak mengurangkan tarif bagi menggalakkan perdagangan di rantau berkenaan.

Cuba juga mempunyai beberapa zon perdagangan bebas manakala 53 syarikat penerbangan kini menyediakan perkhidmatan ke negara itu.

"Kerana terdapat infrastruktur seperti lapangan terbang dan pelabuhan,

tenaga kerja berkelayakan tinggi dan 600,000 lepasan universiti, Cuba memang dapat menyediakan laluan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk memasuki rantau Caribbean," katanya.

Cuba dan Malaysia menjalin hubungan diplomatik pada 1975. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan rasmi ke Cuba pada 1997 selain menghadiri sidang kemuncak negara-negara selatan di Havana tahun lepas.

Kedua-dua negara memeterai perjanjian mengenai perdagangan dan kelonggaran visa pada 1994 manakala pada 1997 bank-bank pusat Cuba dan Malaysia menandatangani surat persefahaman mengenai kredit dan bayaran.

-- BERNAMA

ES ES MAI